

KAJIAN KE ATAS PENYENGGARAAN PADANG GOLF

INTAN IDAYU BINTI MOHAMAD

Laporan Projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

2000 / 2001

ABSTRAK

Sukan golf telah berkembang pesat dan menjadi satu daya tarikan kepada sektor pelancongan di Malaysia. Ini dibuktikan oleh peningkatan kedatangan pelancong-pelancong asing ke Malaysia apabila kejohanan-kejohanan bertaraf antarabangsa diadakan seperti Kejohanan Golf Piala Dunia 1999 yang lalu. Pembangunan pesat kelab golf di Malaysia telah menjadi tarikan bukan sahaja kepada peminat golf tempatan, malah luar negara. Oleh itu, penyenggaraan merupakan aspek terpenting yang perlu dititikberatkan bagi menghasilkan persekitaran permainan yang sempurna dengan kepelbagaian fasiliti bagi menarik lebih ramai peminat sukan ini. Walaupun terdapat garis panduan penyenggaraan yang telah ditetapkan, namun tidak semua pihak pengurusan akan mengikutinya. Ini kerana penyenggaraan yang akan dilaksanakan perlu disesuaikan dengan pelbagai aspek seperti kuantiti buruh, keadaan padang, jentera dan sebagainya. Oleh itu, kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis komponen penyenggaraan untuk padang golf dan komponen sokongannya seperti lanskap, *buggy* dan laluannya, *driving range* dan rumah kelab. Kajian ini melibatkan analisis yang dibuat ke atas 5 sampel yang dipilih berdasarkan skop yang telah ditetapkan iaitu padang golf 18 lubang yang telah beroperasi 10 tahun ke bawah pada tahun 2000. Analisis penyelidik mendapati keseluruhan sampel melakukan penyenggaraan yang sama bagi setiap komponennya, tetapi menggunakan kaedah dan kekerapan yang agak berbeza. Perbezaan ini wujud disebabkan oleh faktor-faktor seperti bilangan tenaga buruh, belanjawan yang diperuntukkan, keluasan kawasan, usia padang dan tahap penggunaan padang. Kekurangan tenaga buruh dan tahap penggunaan padang yang rendah menyebabkan tahap penyenggaraan adalah rendah, manakala usia padang yang telah matang turut mengurangkan tahap penyenggaraan. Tahap penggunaan padang yang tinggi menyebabkan tahap penyenggaraan adalah tinggi. Analisis kos bagi komponen penyenggaraan yang dilakukan ke atas padang golf menunjukkan komponen yang menyumbang kos penyenggaraan yang tinggi adalah padang, rumah kelab dan *buggy*. Ini adalah kerana komponen-komponen ini merupakan komponen yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi di kalangan pengunjung terutamanya pemain. Walau bagaimanapun, kos penyenggaraan keseluruhan komponen ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tahap penggunaan, peruntukan belanjawan dan kos bahan serta peralatan yang digunakan. Selain daripada itu, kajian ini juga mendapati keluasan kawasan dan kepelbagaian fasiliti turut mempengaruhi kos penyenggaraan. Secara keseluruhannya, kos penyenggaraan bagi padang dan komponen sokongannya untuk padang golf 18 lubang adalah di antara RM 0.30 sehingga RM 0.43 bagi satu meter persegi.

ABSTRACT

The development of golfing as a sporting event has been well developed and has become an attraction in our tourism industry. This was proven by the increasing numbers of tourists to Malaysia during the international tournament that was held during the World Golf Tournament 1999. The rapid development of the golf courses have attracted many local and foreign golfers to Malaysia. In order to produce a perfect place with the variety of facilities, the maintenance programme should take priority in all golf clubs. Eventhough there are maintenance guidelines, but not all maintenance management unit follow them. This is because, the maintenance programme should be carried out based on certain aspects, such as number of workers, course condition and equipment. The purpose of this research is to identify and to analyse the maintenance components of the golf course and its supportive components, such as, landscaping, buggy, driving range and clubhouse. The research has analysed 5 samples consisting of 18 holes golf courses. Those golf courses has been operating less than 10 years from the year 2000. The researcher found out that all the golf courses had carried out the same maintenance programme for each components, but they have used a slightly different method and frequency. The differences occurred because of some factors such as numbers of workers, allocation of budget, size of area, the numbers of years they have been operating and level of usage of the course. Shortage of labour, low frequency of usage and the number of years they have been in operation are the three factors that have an influence on the low level of maintenance programme. The high level of usage had also resulted in the high level of maintenance. Cost analysis of maintenance components shows that the maintenance components that contribute the highest cost are the course itself, clubhouse and buggy. This is because these components have a high level of usage among the golfers. However, the cost of maintenace of the whole components was influenced by the level of usage, allocation of budget, cost of material and equipment. This research also had revealed that the factors which have an impact on the maintenance cost were also the size of the golf course and the facilities provided. In conclusion, the maintenance cost for the golf course and its components is within the range of RM 0.30 to RM 0.43 per square metre of area.